



14 Mac 2023  
14 March 2023  
P.U. (A) 66

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)  
(AKAUN PEGUAM SYARIE) 2023

*SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)  
(ACCOUNTS OF PEGUAM SYARIE) RULES 2023*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (AKAUN PEGUAM SYARIE) 2023

---

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

---

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kewajipan untuk membayar wang ke dalam akaun anak guam
4. Wang yang hendaklah dibayar ke dalam akaun anak guam
5. Peguam Syarie boleh mengasingkan wang yang diterima
6. Tiada kewajipan untuk membayar wang anak guam ke dalam akaun anak guam dalam hal tertentu
7. Tiada wang anak guam boleh dibayar ke dalam akaun anak guam dalam hal tertentu
8. Mengeluarkan wang daripada akaun anak guam
9. Penandatanganan kepada akaun anak guam
10. Cara pengeluaran wang daripada akaun anak guam
11. Pemindahan akaun lejar
12. Buku akaun hendaklah disimpan
13. Penyimpanan buku akaun secara berkomputer
14. Peguam Syarie hendaklah memberitahu Majlis Peguam Syarie butiran akaun anak guam dan perubahan
15. Majlis Peguam Syarie boleh menghendaki pengemukaan buku akaun, dsb.
16. Cara penyerahan pemakluman jumlah kos Peguam Syarie dan pemberitahuan yang berhubungan dengan penggunaan wang
17. Kehendak di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibuat secara bertulis
18. Hak atau tindakan Peguam Syarie terhadap wang yang ada dalam kredit akaun anak guam tidak terjejas dengan Kaedah-Kaedah

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (AKAUN PEGUAM SYARIE) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 65(1) Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [*Akta 814*], Majlis Peguam Syarie, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2023.

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“akaun” ertinya suatu akaun yang dibuka dan disimpan di suatu institusi kewangan Islam;

“akaun anak guam” ertinya suatu akaun semasa atau akaun deposit yang dibuka dan disimpan di suatu institusi kewangan Islam atas nama firma dengan tajuk yang tertera perkataan "anak guam";

“anak guam” ertinya mana-mana anak guam yang baginya Peguam Syarie memegang atau menerima wang anak guam;

“wang amanah” ertinya wang yang dipegang atau diterima oleh Peguam Syarie yang tertakluk kepada suatu amanah yang Peguam Syarie itu adalah pemegang amanah sahaja dan bukan—

- (a) wang anak guam; atau
- (b) wang yang diterima oleh Peguam Syarie yang merupakan wang yang tertakluk kepada suatu amanah yang Peguam Syarie itu ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih rakan kongsinya atau pekerjanya;

“wang anak guam” ertinya wang yang dipegang atau diterima oleh Peguam Syarie bagi seseorang anak guam yang baginya Peguam Syarie itu bertindak berhubung dengan pemegangan atau penerimaan wang itu sama ada sebagai Peguam Syarie atau berkaitan dengan amalannya sebagai Peguam Syarie, penjaga atau pemegang taruh tetapi tidak termasuk wang yang hanya Peguam Syarie itu, atau, dalam hal suatu firma Peguam Syarie, seorang atau lebih rakan kongsi dalam firma itu, yang berhak ke atas wang itu.

(2) Ungkapan “buku”, “akaun”, “lejar” dan “rekod” yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk buku helai cerai dan apa-apa kad atau dokumen kekal yang lain sebagaimana yang perlu bagi mengendalikan apa-apa sistem tatabuku, secara mekanikal atau berkomputer.

### **Kewajipan untuk membayar wang ke dalam akaun anak guam**

3. (1) Tertakluk kepada kaedah 6 dan 7, tiap-tiap Peguam Syarie yang memegang atau menerima wang anak guam, atau wang yang di bawah kaedah 4 Peguam Syarie itu dibenarkan dan memilih untuk membayar ke dalam akaun anak guam, hendaklah tanpa berlengah membayar wang itu ke dalam akaun anak guam.

(2) Mana-mana Peguam Syarie boleh menyimpan satu akaun anak guam atau sebanyak mana akaun itu yang difikirkannya patut.

**Wang yang hendaklah dibayar ke dalam akaun anak guam**

4. (1) Wang yang berikut hendaklah dibayar ke dalam akaun anak guam:
- (a) wang anak guam;
  - (b) wang amanah;
  - (c) apa-apa wang kepunyaan seseorang Peguam Syarie sebagaimana yang perlu bagi maksud membuka atau menyenggara akaun itu;
  - (d) wang untuk menggantikan apa-apa jumlah wang yang mungkin tersilap atau tidak sengaja telah dikeluarkan daripada akaun anak guam itu yang melanggar subkaedah 8(3); dan
  - (e) apa-apa wang yang diterima oleh Peguam Syarie yang mana-mana bahagian wang yang diterima itu terdiri daripada wang anak guam dan Peguam Syarie itu tidak mengasingkannya di bawah kaedah 5.
- (2) Jika seseorang Peguam Syarie menerima apa-apa wang yang termasuk wang amanah dari satu atau lebih daripada satu amanah, tetapi tidak termasuk wang anak guam dan Peguam Syarie itu tidak mengasingkannya di bawah kaedah 5, Peguam Syarie itu boleh membayar wang itu ke dalam akaun anak guam.
- (3) Tiada wang selain wang yang seseorang Peguam Syarie dikehendaki atau dibenarkan untuk membayar ke dalam suatu akaun anak guam di bawah subkaedah (1) atau (2) boleh dibayar ke dalam sesuatu akaun anak guam.
- (4) Adalah menjadi kewajipan seseorang Peguam Syarie yang telah membayar apa-apa wang ke dalam akaun anak guam yang melanggar dengan kaedah ini untuk mengeluarkan wang itu tanpa berlengah apabila disedarinya.

**Peguam Syarie boleh mengasingkan wang yang diterima**

5. (1) Jika seseorang Peguam Syarie menerima wang melalui cek, draf atau apa-apa cara lain termasuk secara elektronik yang termasuk wang anak guam atau wang amanah daripada satu atau lebih daripada satu amanah, dia boleh, jika boleh dilaksanakan, mengasingkan wang yang diterima itu.

(2) Jika Peguam Syarie itu mengasingkan wang yang diterima di bawah subkaedah (1), dia hendaklah menguruskan setiap bahagian wang itu seolah-olah dia telah menerima wang itu secara berasingan berkenaan dengan bahagian itu.

(3) Jika Peguam Syarie itu tidak mengasingkan wang yang diterima di bawah subkaedah (1), perenggan 4(1)(e) atau subkaedah 4(2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.

**Tiada kewajipan untuk membayar wang anak guam ke dalam akaun anak guam dalam hal tertentu**

6. Walau apa pun peruntukan Kaedah-Kaedah ini, seseorang Peguam Syarie tidak berkewajipan untuk membayar ke dalam akaun anak guam—

(a) wang anak guam yang diterima olehnya—

(i) dalam bentuk wang tunai dan tanpa berlengah dibayar dalam bentuk wang tunai dalam perjalanan biasa urusan kepada anak guam atau suatu pihak ketiga; atau

(ii) dalam bentuk cek atau draf yang diendors untuk dibayar dalam perjalanan biasa urusan kepada anak guam atau pihak ketiga dan tidak dibayar oleh Peguam Syarie itu melalui suatu akaun bank; atau

(b) wang anak guam yang dibayar oleh Peguam Syarie itu ke dalam suatu akaun yang berasingan yang dibuka atas nama anak guam atau orang lain yang dinamakan oleh anak guam itu.

**Tiada wang anak guam boleh dibayar ke dalam akaun anak guam dalam hal tertentu**

7. (1) Walau apa pun peruntukan Kaedah-Kaedah ini, seseorang Peguam Syarie tidak boleh membayar ke dalam akaun anak guam—

(a) wang anak guam yang dipegang atau diterima olehnya—

- (i) yang anak guam itu untuk kemudahannya sendiri meminta Peguam Syarie itu supaya tidak memasukkan wang itu ke dalam akaun itu;
- (ii) untuk atau bagi pembayaran suatu hutang yang kena dibayar kepada Peguam Syarie oleh anak guam; atau
- (iii) untuk membayar balik wang yang telah dibelanjakan oleh Peguam Syarie bagi pihak anak guam itu; atau

(b) wang anak guam yang dibayar kepadanya khusus—

- (i) untuk kos yang telah dilakukan, yang berkenaan dengannya suatu bil kos atau pemakluman bertulis yang lain mengenai amaun kos itu telah diserahkan; atau
- (ii) bagi suatu fi yang telah dipersetujui bagi urusan yang dijalankan atau akan dijalankan.

(2) Walau apa pun peruntukan Kaedah-Kaedah ini, Majlis Peguam Syarie boleh, atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya oleh seseorang Peguam Syarie, secara khususnya membenarkan Peguam Syarie itu secara bertulis untuk tidak memasukkan apa-apa wang anak guam ke dalam akaun anak guam.

**Mengeluarkan wang daripada akaun anak guam**

8. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), wang yang berikut boleh dikeluarkan daripada akaun anak guam:

(a) dalam hal wang anak guam—

- (i) wang yang dikehendaki dengan sewajarnya bagi pembayaran kepada atau bagi pihak anak guam;
- (ii) wang yang dikehendaki dengan sewajarnya untuk atau bagi pembayaran hutang yang kena dibayar kepada Peguam Syarie oleh anak guam atau untuk membayar balik wang yang telah dibelanjakan oleh Peguam Syarie bagi pihak anak guam;
- (iii) wang yang dikeluarkan dengan kebenaran anak guam; dan
- (iv) wang yang dikehendaki dengan sewajarnya untuk atau bagi pembayaran kos Peguam Syarie yang suatu bil kos atau pemakluman bertulis yang lain mengenai amaun kos yang dilakukan telah diserahkan kepada anak guam dan anak guam itu telah diberitahu bahawa wang yang dipegang bagi pihaknya akan digunakan bagi atau untuk penyelesaian kos itu;

(b) dalam hal wang amanah—

- (i) wang yang dikehendaki dengan sewajarnya untuk pembayaran bagi pelaksanaan amanah yang berkenaan itu;
- (ii) wang yang hendak dipindahkan ke suatu akaun anak guam dalam melaksanakan amanah yang berkenaan itu; dan

(iii) wang yang hendak dipindahkan ke suatu akaun yang berasingan yang disimpan semata-mata bagi wang amanah yang berkenaan itu;

(c) apa-apa wang, yang bukan wang yang baginya sama ada perenggan (a) atau (b) terpakai, yang mungkin telah dibayar ke dalam akaun anak guam itu di bawah perenggan 4(1)(c) atau (e) atau subkaedah 4(2); dan

(d) wang yang mungkin tersilap atau tidak sengaja telah dibayar ke dalam akaun anak guam itu dengan melanggar subkaedah 4(3) dan subkaedah 4(4).

(2) Wang yang telah dikeluarkan sedemikian di bawah perenggan (1)(a) atau (b) tidak boleh melebihi jumlah wang yang dipegang pada masa itu dalam akaun anak guam itu bagi anak guam atau amanah itu.

(3) Tiada wang selain wang yang dibenarkan untuk dikeluarkan daripada akaun anak guam di bawah kaedah ini boleh dikeluarkan sedemikian melainkan jika Majlis Peguam Syarie, atas permohonan yang dibuat kepadanya oleh Peguam Syarie itu, secara khususnya membenarkan secara bertulis pengeluaran wang itu.

(4) Wang yang dipegang bagi pihak seseorang anak guam tidak boleh digunakan untuk pembayaran bagi anak guam lain tanpa terlebih dahulu mendapat arahan bertulis anak guam yang baginya wang itu dipegang.

### **Penandatanganan kepada akaun anak guam**

9. Penandatanganan kepada akaun anak guam hendaklah seorang atau lebih daripada orang yang berikut:

(a) seorang Peguam Syarie yang menjalankan amalan sebagai seorang pemilik tunggal;

- (b) seorang Peguam Syarie yang adalah rakan kongsi sesuatu firma yang di bawahnya Peguam Syarie itu beramal; atau
- (c) seorang Peguam Syarie yang secara khususnya diberi kuasa oleh pemilik atau rakan kongsi sesuatu firma yang di bawahnya Peguam Syarie itu beramal.

**Cara pengeluaran wang daripada akaun anak guam**

10. Tiada wang boleh dikeluarkan daripada akaun anak guam—

- (a) di bawah subperenggan 8(1)(a)(ii) atau (iv), atau perenggan 8(c) atau (d) kecuali melalui—
  - (i) cek yang dikeluarkan untuk dibayar kepada Peguam Syarie itu; atau
  - (iii) pemindahan ke suatu akaun atas nama Peguam Syarie itu yang bukan akaun anak guam;
- (b) melalui cek tunai atau cek pembawa kecuali bagi pembayaran balik wang yang telah dibelanjakan atau telah didahulukan khusus bagi sesuatu transaksi atau perkara yang Peguam Syarie itu telah dilantik untuk bertindak oleh anak guam; atau
- (c) melalui—
  - (i) mesin teler automatik;
  - (ii) khidmat perbankan melalui telefon; atau
  - (iii) pindahan dana elektronik kecuali bagi membuat apa-apa pembayaran kepada pihak berkuasa atau badan yang berkenaan bagi duti setem, cukai keuntungan harta tanah, fi carian,

fi pemfailan atau fi pendaftaran atau maksud lain yang diluluskan oleh Majlis Peguam Syarie dari semasa ke semasa.

### **Pemindahan akaun lejar**

11. Tiada jumlah wang boleh dipindahkan daripada akaun lejar seorang anak guam kepada akaun lejar anak guam yang lain kecuali dalam keadaan-keadaan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk mengeluarkan daripada akaun anak guam jumlah wang yang dipindahkan daripada anak guam yang pertama itu dan untuk membayar ke dalam akaun anak guam jumlah wang yang dipindahkan itu kepada anak guam yang kedua itu.

### **Buku akaun hendaklah disimpan**

12. (1) Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah pada setiap masa menyimpan buku dan akaun yang perlu yang ditulis dengan sewajarnya dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris—

(a) untuk menunjukkan segala urusannya dengan—

- (i) wang anak guam yang dipegang, diterima atau dibayar olehnya; dan
- (ii) apa-apa wang lain yang diuruskan olehnya melalui akaun anak guam;

(b) untuk membezakan—

- (i) apa-apa wang yang dipegang, diterima atau dibayar olehnya bagi pihak setiap anak guam yang berasingan; dan
- (ii) apa-apa wang yang disebut dalam subperenggan (i) daripada wang lain yang dipegang, diterima atau dibayar olehnya bagi apa-apa sebab lain.

(2) Segala urusan yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah direkodkan dalam—

(a) buku tunai anak guam, atau ruang anak guam pada bahagian kredit atau bahagian debit, mengikut mana-mana yang sesuai, dalam sesuatu buku tunai; dan

(b) lejar anak guam yang berasingan, atau ruang anak guam pada bahagian kredit atau bahagian debit, mengikut mana-mana yang sesuai, dalam sesuatu lejar bagi setiap anak guam.

(3) Tiada urusan selain urusan yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah direkodkan dalam buku tunai anak guam dan lejar itu, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam ruang anak guam itu.

(4) Semua catatan dalam lejar anak guam mestilah bertarikh dan termasuk rujukan bagi mengenal pasti sumber atau jenis urusniaga dan membolehkan ia dikesan ke belakang dan ke hadapan.

(5) Sebagai tambahan kepada buku dan akaun yang disebut dalam subkaedah (2), tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah menyimpan suatu rekod bagi segala pemakluman bertulis di bawah subperenggan 8(1)(a)(iv) yang diserahkan oleh Peguam Syarie itu kepada anak guamnya, dan rekod itu hendaklah terkandung dalam suatu buku serahan bil atau suatu fail bagi salinan pemakluman itu.

(6) Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah menyebabkan baki dalam buku tunai anak guamnya atau ruang anak guam dalam buku tunainya disesuaikan dengan penyata akaun anak guamnya—

(a) dalam tempoh enam bulan dari mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini atau dari dia memulakan amalannya sebagai pemilik tunggal atau secara perkongsian, mengikut mana-mana yang lebih kemudian; dan

(b) selepas itu tidak kurang daripada sekali dalam tiap-tiap tempoh enam bulan yang berikutnya.

(7) Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah menyimpan di dalam buku tunai itu atau tempat lain yang sesuai suatu penyata yang menunjukkan penyesuaian di bawah subkaedah (6).

(8) Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah mengekalkan segala buku, akaun dan rekod yang disimpan olehnya di bawah kaedah ini selama sekurang-kurangnya enam tahun dari tarikh apabila fail atau perkara yang berkenaan ditutup atau tiada urusan selanjutnya yang belum selesai.

(9) Melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Majlis Peguam Syarie, tiada wang boleh dikeluarkan daripada sesuatu akaun, yang merupakan atau yang menjadi sebahagian daripada akaun anak guam, selain di bawah tandatangan seorang Peguam Syarie menurut kaedah 9.

### **Penyimpanan buku akaun secara berkomputer**

13. (1) Jika seseorang Peguam Syarie menyenggara buku, akaun, lejar dan rekod yang dikehendaki di bawah Kaedah-Kaedah ini mengikut sistem berkomputer yang tidak bergantung kepada sesuatu dokumen fizikal untuk pengendaliannya, sistem itu hendaklah sistem yang—

(a) sesuatu cetakan yang serta-merta boleh didapatkan bagi apa-apa akaun walaupun akses visual serta-merta boleh didapati; dan

(b) segala rekod akaun yang bagi apa-apa sebab boleh dikehendaki supaya dihapuskan daripada simpanan kerja sistem itu hendaklah, sebelum penghapusan itu, disalinkan pada sesuatu media penyimpanan yang akan membolehkan suatu rekod visual bagi catatan terperinci di dalamnya itu dihasilkan dan difailkan mengikut susunan abjad atau susunan lain yang sesuai, diindekskan

dan dikekalkan selama tempoh yang dinyatakan dalam kaedah 12;  
dan

- (c) jejak audit atau rekod lain bagi input kepada dan output daripada komputer itu dikekalkan selama lapan belas bulan dari tarikh catatan yang terakhir padanya.

(2) Bagi maksud kaedah ini, “cetakan” ertinya suatu salinan bercetak atau bertaip dari mana-mana akaun atau maklumat lain yang disimpan secara digital dalam komputer.

**Peguam Syarie hendaklah memberitahu Majlis Peguam Syarie butiran akaun anak guam dan perubahan**

14. (1) Seseorang Peguam Syarie hendaklah memberitahu Majlis Peguam Syarie secara bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (2)—

- (a) nombor akaun; dan
- (b) nama dan alamat institusi kewangan Islam yang dengannya akaun anak guam itu disenggara atau dibuka.

(2) Tempoh masa yang disebut dalam subkaedah (1) adalah seperti yang berikut:

- (a) berkenaan dengan akaun anak guam yang disenggara oleh Peguam Syarie pada atau sebelum mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa itu; dan
- (b) berkenaan dengan akaun anak guam yang dibuka oleh Peguam Syarie selepas mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini, dalam tempoh satu bulan dari pembukaan akaun anak guam itu.

(3) Peguam Syarie hendaklah memberitahu Majlis Peguam Syarie secara bertulis mengenai—

- (a) penutupan sesuatu akaun anak guam; atau
- (b) apa-apa perubahan yang berhubungan dengan akaun anak guam termasuk perubahan pada nama atau alamat institusi kewangan Islam yang dengannya akaun anak guam itu disenggara oleh Peguam Syarie itu.

(4) Kehendak yang disebut dalam subkaedah (3) hendaklah dipatuhi dalam tempoh satu bulan dari masa penutupan atau perubahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Majlis Peguam Syarie boleh menghendaki pengemukaan buku akaun, dsb.**

15. (1) Majlis Peguam Syarie boleh—

- (a) atas usulnya sendiri; atau
- (b) atas suatu aduan bertulis, yang Majlis Peguam Syarie berpuas hati mempunyai merit,

menghendaki mana-mana Peguam Syarie supaya mengemukakan pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh Majlis Peguam Syarie, buku akaun, buku simpanan bank, penyata bank helai cerai, penyata akaun, baucar dan apa-apa dokumen lain yang perlu untuk diperiksa oleh mana-mana akauntan yang dilantik oleh Majlis Peguam Syarie.

(2) Akauntan yang dilantik di bawah subkaedah (1) hendaklah seorang akauntan yang berkelayakan untuk memberi laporan akauntan di bawah Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Laporan Akauntan) 2023 [*P.U. (A) 67/2023*].

(3) Sebelum mana-mana akauntan dilantik di bawah subkaedah (1), Majlis Peguam Syarie hendaklah menimbangkan apa-apa bantahan, jika ada, yang dibuat oleh Peguam Syarie itu berkenaan dengan pelantikan akauntan itu.

(4) Akauntan yang dilantik di bawah subkaedah (1) hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Majlis Peguam Syarie suatu laporan mengenai hasil pemeriksaan yang dijalankan di bawah subkaedah (1).

(5) Laporan yang disebut dalam subkaedah (4) boleh digunakan sebagai suatu asas bagi prosiding di bawah subseksyen 65(3) Akta.

(6) Jika pemeriksaan dijalankan menurut kehendak yang dibuat di bawah perenggan (1)(b), Majlis Peguam Syarie boleh menghendaki orang yang membuat aduan itu untuk membayar kos pemeriksaan yang amaunnya hendaklah ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie.

### **Cara penyerahan pemakluman jumlah kos Peguam Syarie dan pemberitahuan yang berhubungan dengan penggunaan wang**

16. Suatu pemakluman bertulis mengenai jumlah kos Peguam Syarie yang dilakukan dan pemberitahuan kepada anak guam bahawa wang yang dipegang untuknya akan digunakan sebagaimana yang disebut dalam subperenggan 8(1)(a)(iv) boleh diserahkan kepada anak guam secara ke diri, melalui pos berdaftar, kurier atau e-mel.

### **Kehendak di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibuat secara bertulis**

17. (1) Tiap-tiap kehendak yang akan dibuat oleh Majlis Peguam Syarie kepada seseorang Peguam Syarie di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Setiausaha atau seorang anggota Majlis Peguam Syarie yang ditetapkan oleh Majlis Peguam Syarie bagi maksud itu.

(2) Kehendak yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dihantar—

(a) secara ke diri kepada Peguam Syarie;

- (b) melalui pos berdaftar atau kurier ke alamat Peguam Syarie yang terakhir diketahui; atau
    - (c) dalam keadaan-keadaan yang ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie, melalui e-mel.
- (3) Sekiranya kehendak yang disebut dalam subkaedah (1) dihantar—
  - (a) melalui pos berdaftar di bawah perenggan (2)(b), kehendak itu hendaklah disifatkan sebagai telah diterima oleh Peguam Syarie itu dalam tempoh tujuh hari dari masa pengeposan; atau
  - (b) melalui e-mel di bawah perenggan (2)(c), kehendak itu hendaklah disifatkan telah diterima oleh Peguam Syarie itu pada masa e-mel itu dihantar ke alamat e-melnya.

**Hak atau tindakan Peguam Syarie terhadap wang yang ada dalam kredit akaun anak guam tidak terjejas dengan Kaedah-Kaedah**

18. Tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh melucutkan apa-apa hak seseorang Peguam Syarie daripada mengambil apa-apa tindakan sama ada dengan cara lien, tolakan, tuntutan balas, caj atau selainnya, terhadap wang yang ada dalam kredit akaun anak guam.

Dibuat 23 Februari 2023  
[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR  
*Pengerusi Majlis Peguam Syarie*

Diluluskan 6 Mac 2023  
[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN  
HAJI MOKHTAR  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Hal Ehwal Agama)*

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)  
(ACCOUNTS OF *PEGUAM SYARIE*) RULES 2023

---

ARRANGEMENT OF RULES

---

Rule

1. Name and commencement
2. Interpretation
3. Duty to pay money into client account
4. Moneys to be paid into client account
5. *Pegum Syarie* may split money received
6. No obligation to pay client's money into client account in certain cases
7. No client's money shall be paid into client account in certain cases
8. Drawing money from client account
9. Signatories to client account
10. Manner of drawing money from client account
11. Ledger account transfer
12. Account books to be kept
13. Computerised book-keeping
14. *Pegum Syarie* to notify *Majlis Pegum Syarie* particulars of client accounts and changes
15. *Majlis Pegum Syarie* may require production of books of account, etc.
16. Manner of delivery of intimation of amount of *Pegum Syarie's* costs and notification relating to application of moneys
17. Requirements under these Rules to be made in writing
18. Right or recourse of *Pegum Syarie* against moneys standing to the credit of client account not affected by the Rules

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)  
(ACCOUNTS OF *PEGUAM SYARIE*) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by subsection 65(1) of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) Act 2019 [*Act 814*], the *Majlis Peguam Syarie*, with the approval of the Minister, makes the following rules:

**Name and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the ***Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Account of *Peguam Syarie*) Rules 2023**.

(2) These Rules come into operation on 15 March 2023.

**Interpretation**

2. (1) In these Rules—

“account” means an account opened and maintained with an Islamic financial institution;

“client account” means a current or deposit account opened and maintained with an Islamic financial institution in the name of the firm in the title of which the word “client” appears;

“client” means any client for whom a *Peguam Syarie* holds or receives client's money;

“trust money” means money held or received by a *Peguam Syarie* which is subject to a trust of which the *Peguam Syarie* is a trustee only and which is not—

- (a) client's money; or
- (b) money received by a *Peguam Syarie* being money subject to a trust of which he is a sole trustee or co-trustee with one or more of his partners or employees;

“client's money” means money held or received by a *Peguam Syarie* for a client for whom the *Peguam Syarie* is acting in relation to the holding or receipt of such money either as a *Peguam Syarie* or in connection with his practice as a *Peguam Syarie*, bailee or stakeholder but does not include money to which the only person entitled is the *Peguam Syarie* himself or, in the case of a firm of *Peguam Syarie*, one or more of the partners in the firm.

(2) The expression “books”, “accounts”, “ledger” and “records” referred to in these Rules shall be deemed to include loose-leaf books and such cards or other permanent documents as are necessary for the operation of any system of book-keeping, mechanical or computerised.

#### **Duty to pay money into client account**

3. (1) Subject to rules 6 and 7, every *Peguam Syarie* who holds or receives client's money, or money which under rule 4 the *Peguam Syarie* is permitted and elects to pay into a client account, shall without delay pay such money into a client account.

(2) Any *Peguam Syarie* may keep one client account or as many such accounts as he thinks fit.

#### **Moneys to be paid into client account**

4. (1) The following moneys shall be paid into the client account:

- (a) client's money;
- (b) trust money;

- (c) such money belonging to a *Peguam Syarie* as may be necessary for the purpose of opening or maintaining the account;
- (d) money to replace any sums which may by mistake or accident have been drawn from the client account in contravention of subrule 8(3); and
- (e) such money received by a *Peguam Syarie* where any part thereof consists of client's money and which the *Peguam Syarie* does not split under rule 5.

(2) Where a *Peguam Syarie* receives any money which includes trust money of one or more trusts but does not include client's money and which the *Peguam Syarie* does not split under rule 5, the *Peguam Syarie* may pay the money into a client account.

(3) No money other than money which a *Peguam Syarie* is required or permitted to pay into a client account under subrule (1) or (2) shall be paid into a client account.

(4) It shall be the duty of a *Peguam Syarie* into whose client account any money has been paid in contravention of this rule to withdraw the same without delay on discovery.

***Peguam Syarie* may split money received**

5. (1) Where a *Peguam Syarie* receives moneys by cheque, draft or any other means including electronic means which includes client's money or trust money of one or more trusts, he may, where practicable, split such moneys received.

(2) Where the *Peguam Syarie* splits the moneys received under subrule (1), he shall deal with each part of the moneys as if he had received such moneys separately in respect of that part.

(3) Where the *Peguam Syarie* does not split the moneys received under subrule (1), paragraph 4(1)(e) or subrule 4(2), as the case may be, shall apply.

**No obligation to pay client's money into client account in certain cases**

6. Notwithstanding the provisions of these Rules, a *Peguam Syarie* shall not be obliged to pay into a client account—

(a) client's money which is received by him—

(i) in the form of cash and is without delay paid in cash in the ordinary course of business to the client or a third party; or

(ii) in the form of a cheque or draft which is endorsed in the ordinary course of business to the client or a third party and is not passed by the *Peguam Syarie* through an account; or

(b) client's money which the *Peguam Syarie* pays into a separate account opened in the name of the client or other person named by the client.

**No client's money shall be paid into client account in certain cases**

7. (1) Notwithstanding the provisions of these Rules, a *Peguam Syarie* shall not pay into a client account—

(a) client's money held or received by him—

(i) which the client for his own convenience request the *Peguam Syarie* to withhold from such account;

(ii) for or towards payment of a debt due to the *Peguam Syarie* from the client; or

(iii) in reimbursement of money expended by the *Peguam Syarie* on behalf of the client; or

- (b) client's money which is paid to him expressly—
  - (i) for costs incurred in respect of which a bill of costs or other written intimation of the amount of the costs has been delivered; or
  - (ii) for an agreed fee for business undertaken or to be undertaken.

(2) Notwithstanding the provisions of these Rules, the *Majlis Peguam Syarie* may, upon an application made to it by a *Peguam Syarie*, specifically authorise him in writing to withhold any client's money from a client account.

#### **Drawing money from client account**

8. (1) Subject to subrule (2), the following money may be drawn from a client account:

- (a) in the case of client's money—
  - (i) money properly required for a payment to or on behalf of the client;
  - (ii) money properly required for or towards payment of debt due to the *Peguam Syarie* from the client or in reimbursement of money expended by the *Peguam Syarie* on behalf of the client;
  - (iii) money drawn on the client's authority; and
  - (iv) money properly required for or towards payment of the *Peguam Syarie's* costs where a bill of costs or other written intimation of the amount of the costs incurred has been delivered to the client and the client has been notified that

money held for him will be applied towards or in satisfaction of such costs;

- (b) in the case of trust money—
  - (i) money properly required for a payment in the execution of the particular trust;
  - (ii) money to be transferred to a client account in the execution of the particular trust; and
  - (iii) money to be transferred to a separate account kept solely for the money of the particular trust;
- (c) such money, not being money to which either paragraph (a) or (b) applies, as may have been paid into the client account under paragraph 4(1)(c) or (e) or subrule 4(2); and
- (d) money which may by mistake or accident have been paid into the client account in contravention of subrule 4(3) and subrule 4(4).

(2) The money so drawn under paragraph (1)(a) or (b) shall not exceed the total of the money held for the time being in such client account for such client or trust.

(3) No money other than money permitted to be drawn from a client account under this rule shall be so drawn unless the *Majlis Peguam Syarie*, upon an application being made to it by a *Peguam Syarie*, specifically authorised in writing its withdrawal.

(4) Money held for a client must not be used for payment of another client without prior written instruction of the client for whom the money is held.

**Signatories to client account**

9. Signatories to a client account shall be one or more of the following persons:
- (a) a *Peguam Syarie* practising as a sole proprietor;
  - (b) a *Peguam Syarie* who is a partner of a firm under which the *Peguam Syarie* practices; or
  - (c) a *Peguam Syarie* expressly authorised by a proprietor or a partner of a firm under which the *Peguam Syarie* practices.

**Manner of drawing money from client account**

10. No money shall be drawn from a client account—
- (a) under subparagraph 8(1)(a)(ii) or (iv), or paragraph 8(c) or (d) except by—
    - (i) a cheque drawn in favour of the *Peguam Syarie*; or
    - (ii) a transfer to an account in the name of the *Peguam Syarie* not being a client account;
  - (b) by a cash cheque or a bearer cheque except for payment of disbursement expended or advanced specifically for a transaction or matter for which the *Peguam Syarie* has been retained to act by a client; or
  - (c) through—
    - (i) an automated teller machine;
    - (ii) telephone banking service; or

- (iii) electronic fund transfer except for making any payment to the appropriate authority or body for stamp duty, real property gains tax, search fees, filing fees or registration fees or other purposes approved by the *Majlis Peguam Syarie* from time to time.

### **Ledger account transfer**

11. No sum shall be transferred from the ledger account of one client to that of another except in circumstances which it is permissible under these Rules to withdraw from client account the sum transferred from the first client and to pay into client account the sum so transferred to the second client.

### **Account books to be kept**

12. (1) Every *Peguam Syarie* shall at all times keep properly written up in the national language and English language such books and accounts as may be necessary—

(a) to show all his dealings with—

- (i) client's money held, received or paid by him; and
- (ii) any other money dealt with by him through a client account;

(b) to distinguish—

- (i) such money held, received or paid by him for each separate client; and
- (ii) such money referred to in subparagraph (i) from other money held, received or paid by him on any other reason.

(2) All dealings referred to in paragraph (1)(a) shall be recorded in—

(a) a client's cash book, or a client's column on the credit side or debit side, as may be appropriate, of a cash book; and

(b) a separate client's ledger, or a client's column on the credit side or debit side, as may be appropriate, of a ledger for each client.

(3) No dealings other than dealings referred to in paragraph (1)(a) shall be recorded in such client's cash book and ledger, or as the case may be, in such client's column.

(4) All entries in a client's ledger must be dated and must include references that identify their sources or type of transaction and enable them to be traced backward and forward.

(5) In addition to the books and accounts referred to in subrule (2), every *Peguan Syarie* shall keep a record of all written intimations under subparagraph 8(1)(a)(iv) delivered by the *Peguan Syarie* to his clients, which record shall be contained in a bills delivered book or a file of copies of such intimations.

(6) Every *Peguan Syarie* shall cause the balance of his clients' cash book or clients' column of his cash book to be reconciled with his client account statements—

(a) within six months of the commencement of these Rules or of his commencing practice either as a sole proprietor or in partnership, whichever is the later; and

(b) thereafter not less than once in every succeeding period of six months.

(7) Every *Peguan Syarie* shall keep in the cash book or other appropriate place a statement showing the reconciliation under subrule (6).

(8) Every *Peguam Syarie* shall preserve all books, accounts and records kept by him under this rule for at least six years from the date when the file or matter concerned is closed or no further pending business.

(9) Unless authorised in writing by the *Majlis Peguam Syarie*, no money may be withdrawn from an account, being or forming part of a client's account, otherwise than under the signature of a *Peguam Syarie* pursuant to rule 9.

### **Computerised book-keeping**

13. (1) Where a *Peguam Syarie* maintains the books, accounts, ledger and records required by these Rules on a computerised system which does not rely on a physical document for its operation, such system shall be such that—

- (a) an immediate print out can be obtained of any account notwithstanding that immediate visual access is available; and
- (b) all records of account which for any reason may be required to be removed from the working store of the system shall, before such removal, be copied on to a storage medium which will enable a visual record of the detailed entries therein to be produced and be filed in alphabetical or other suitable order, indexed and retained for the period set out in rule 12; and
- (c) the audit trail or other record of input to and output from the computer is retained for eighteen months from the date of the last entry on it.

(2) For the purpose of this rule, "print out" means a printed or typewritten copy of any account or other information stored in a computer.

***Peguam Syarie to notify Majlis Peguam Syarie particulars of client accounts and changes***

14. (1) A *Peguam Syarie* shall notify the *Majlis Peguam Syarie* in writing within the period mentioned in subrule (2)—

(a) the account number; and

(b) the name and address of the Islamic financial institution with which the client account is maintained or opened.

(2) The period referred to in subrule (1) shall be as follows:

(a) in respect of a client account maintained by the *Peguam Syarie* on or before the commencement of these Rules, within three months of such commencement; and

(b) in respect of a client account opened by the *Peguam Syarie* after the commencement of these Rules, within one month of the opening of the client account.

(3) The *Peguam Syarie* shall notify the *Majlis Peguam Syarie* in writing of—

(a) the closing of a client account; or

(b) any change relating to the client account including change in the name or address of the Islamic financial institution with which the client account is maintained by him.

(4) The requirement under subrule (3) shall be complied with within one month of such closure or change, as the case may be.

***Majlis Peguam Syarie may require production of books of account, etc.***

15. (1) The *Majlis Peguam Syarie* may—

(a) on its own motion; or

(b) on a written complaint, for which the *Majlis Peguam Syarie* is satisfied that there is a merit,

require any *Peguam Syarie* to produce at a time and place to be fixed by the *Majlis Peguam Syarie*, his books of account, bank pass books, loose-leaf bank statements, statements of account, vouchers and any other necessary documents for the inspection of any accountant appointed by the *Majlis Peguam Syarie*.

(2) The accountant appointed under subrule (1) shall be an accountant who is qualified to give an accountant's report under the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Accountant's Report) Rules 2023 [*P.U. (A) 67/2023*].

(3) Before any accountant is appointed under subrule (1), the *Majlis Peguam Syarie* shall consider any objection, if any, made by the *Peguam Syarie* concerned with regard to the appointment of such accountant.

(4) The accountant appointed under subrule (1) shall prepare and submit to the *Majlis Peguam Syarie* a report on the result of the inspection carried out under subrule (1).

(5) The report referred to in subrule (4) may be used as a basis for proceedings under subsection 65(3) of the Act.

(6) Where the inspection is carried out pursuant to a requirement made under paragraph (1)(b), the *Majlis Peguam Syarie* may require the person making the complaint to pay the costs of the inspection the amount of which shall be determined by the *Majlis Peguam Syarie*.

**Manner of delivery of intimation of amount of *Peguam Syarie's* costs and notification relating to application of moneys**

16. A written intimation of the amount of a *Peguam Syarie's* costs incurred and a notification to a client that money held for him will be applied as mentioned in subparagraph 8(1)(a)(iv) may be delivered to a client personally, by registered post, courier or email.

**Requirements under these Rules to be made in writing**

17. (1) Every requirement to be made by the *Majlis Peguam Syarie* to a *Peguam Syarie* under these Rules shall be made in writing under the hand of the Secretary or a member of the *Majlis Peguam Syarie* designated by the *Majlis Peguam Syarie* for that purpose.

(2) The requirement referred to in subrule (1) shall be sent—

(a) by personal service to the *Peguam Syarie*;

(b) by registered post or courier to the last known address of the *Peguam Syarie*; or

(c) in circumstances determined by the *Majlis Peguam Syarie*, by email.

(3) If the requirement referred to in subrule (1) is sent—

(a) by registered post under paragraph (2)(b), the requirement shall be deemed to have been received by the *Peguam Syarie* within seven days from the time of posting; or

(b) by email under paragraph (2)(c), the requirement shall be deemed to have been received by the *Peguam Syarie* at the time when the email is transmitted to his email address.

**Right or recourse of *Peguam Syarie* against moneys standing to the credit of client account not affected by the Rules**

18. Nothing in these Rules shall deprive a *Peguam Syarie* of any right either by way of lien, set-off, counter-claim, charge or otherwise against moneys standing to the credit of a client account.

Made 23 February 2023

[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR  
*Chairman of Majlis Peguam Syarie*

Approved 6 March 2023

[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN  
HAJI MOKHTAR  
*Minister in the Prime Minister's Department  
(Religious Affairs)*